

## Fleksibiliti Federalisme dalam Monarki Dunia: Perbandingan Empat Negara

### *Flexibility of Federalism in World Monarchies: A Comparison of Four Countries*

Muhammad Hakim Abdullah<sup>1\*</sup>, Lutfan Jaes<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,  
Jalan Kluang, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

\*Pengarang Utama: muhaymin@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.006>

#### Maklumat Artikel

Diserah: 30 April 2024  
Diterima: 15 Mei 2024  
Diterbitkan: 30 Jun 2024

#### Kata Kunci

Kedaulatan, federalisme, monarki,  
sistem persekutuan, polisi awam

#### Abstrak

Artikel ini mengkaji amalan federalisme di empat negara beraja iaitu Australia, Belgium, Kanada dan Malaysia. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan pemahaman tentang dinamik negara tersebut dalam menyesuaikan federalismenya dengan mengambil kira konteks sejarah, budaya, politik, serta tindak balas negara terhadap perkembangan global dan tempatan moden yang memberi kesan kepada sistem pentadbiran negara. Metodologi utama penulisan ini ialah kajian perpustakaan yang menyeluruh, termasuk analisis komprehensif kesusasteraan daripada sumber akademik. Artikel ini membandingkan dan membezakan sistem persekutuan empat negara monarki dan mendedahkan persamaan dan perbezaan dalam cara federalisme berfungsi. Perbincangan ini termasuklah mekanisme kerjasama serta konflik selain menjelaskan cara setiap negara menangani isunya tersendiri seperti pemusatan kuasa, ketegangan etno-linguistik dan multikulturalisme. Penemuan ini menunjukkan betapa fleksibel federalisme sebagai rangka kerja untuk menangani kepelbagaian dan kerumitan masyarakat moden, dan betapa pentingnya ketua negara untuk mengekalkan keseimbangan dan tradisi negara.

#### Keywords

Sovereignty, federalisme, monarchy,  
federal system, public policy

#### Abstract

This article examines the practice of federalism in four monarchic countries: Australia, Belgium, Canada, and Malaysia. The goal is to gain an understanding of how these countries adapt their federalism, taking into account historical, cultural, and political contexts, as well as their responses to modern global and local developments that affect their administrative systems. The primary methodology of this study is an extensive library research, including a comprehensive literature analysis from academic sources. This article compares and contrasts the federal systems of the four monarchic countries and reveals similarities and differences in how federalism functions. The discussion includes mechanisms for cooperation and conflict, as well as explanations of how each country handles its own issues such as centralization of power, ethno-linguistic tensions, and multiculturalism. The findings demonstrate

*the flexibility of federalism as a framework for handling the diversity and complexity of modern societies, and the crucial role of the head of state in maintaining national balance and traditions.*

## 1. Pendahuluan

Selain sistem persekutuan, negara di seluruh dunia mempunyai pelbagai sistem kerajaan, antara sistem yang biasa digunakan ialah sistem beraja, sistem republik, sistem kesatuan, sosialis dan komunis. Setiap negara mempunyai struktur kerajaan yang berbeza. Walau bagaimanapun, negara-negara ini boleh menggabungkan elemen-elemen struktur ini. Sistem beraja, di mana raja atau ratu bertindak sebagai ketua negara. Sistem kerajaan kesatuan pula, kuasa dipusatkan dalam kerajaan pusat tanpa dibahagikan dengan cara yang ketara kepada entiti subnasional. Selain itu, terdapat negara yang mengamalkan sistem republik berpresiden di mana presiden yang dipilih secara langsung oleh rakyat, memegang jawatan sebagai ketua negara dan ketua kerajaan. Dalam sistem republik parlimen pula, Presiden berfungsi sebagai ketua negara dan perdana menteri dipilih oleh badan perundangan, sebagai ketua kerajaan. Terdapat juga negara yang mengamalkan sistem autoritarianisme atau totalitarianisme, yang meletakkan kuasa di tangan parti politik atau pihak berkuasa tertentu.

Artikel ini membincangkan gabungan sistem kerajaan persekutuan yang disepadukan dengan sistem beraja atau monarki. Sistem ini membawa kepada keunikan dalam struktur pemerintahan sesebuah negara yang mengandungi unsur federalisme iaitu pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan entiti subnasional seperti kerajaan negeri atau wilayah yang digabungkan dengan unsur monarki. Gabungan kedua-dua sistem ini mempengaruhi hubungan antara peringkat kerajaan tersebut iaitu bagaimana elemen beraja memainkan peranan dalam kedinamikan politik dan kestabilan kerajaan. Kerumitan kompleksiti struktur kerajaan dalam konteks gabungan sistem persekutuan dan sistem beraja turut dibincangkan melibatkan empat buah negara iaitu Australia, Belgium, Kanada dan Malaysia yang merupakan antara negara monarki yang mengamalkan sistem persekutuan.

## 2. Pengaruh Monarki Dalam Sistem Pemerintahan Negara Beraja

Terdapat tiga jenis pemerintahan monarki iaitu monarki mutlak, monarki kerajaan Komanwel, dan monarki berperlembagaan. Setiap jenis pemerintahan mempunyai ciri dan struktur yang berbeza.

### 2.1 Monarki Mutlak

Dalam monarki mutlak, raja pemerintah adalah ketua negara dengan kuasa eksekutif penuh dan kuasa mutlak untuk membuat keputusan tanpa persetujuan badan perundangan atau rakyat. Berbanding dengan kerajaan raja berperlembagaan, monarki mutlak kurang diamalkan pada masa ini. Brunei, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Eswatini, Kota Vatikan, Oman, Qatar dan Tonga antara negara yang mengamalkan monarki mutlak (Anckar, 2021). Sejarah menunjukkan bahawa Kerajaan Melayu di Nusantara sendiri secara tradisionalnya mengamalkan monarki mutlak, terutamanya ketika zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka (Abdul Monir Yaacob, 2017; Mardiana Nordin, 2017). Namun, konsep monarki mutlak Raja-Raja Melayu berubah kepada raja berperlembagaan semasa era kolonial (A Rahman Tang Abdullah & Wan Shawaludin Wan Hassan, 2015; Abdullah Zakaria Ghazali, 2019; Nazri Muslim, 2014).

Satu-satunya negara di Asia Tenggara yang mengekalkan monarki mutlak sejak abad ke-15 ialah Brunei. Falsafah nasional Brunei berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja telah ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Undang-Undang Kebangsaan 1961, dan Pengisytiharan Penggantian dan Pemangkuan 1959 (Ooi Keat Gin & King, 2023). Selain Brunei, monarki mutlak yang berteraskan Islam turut diamalkan di Arab Saudi. Al-Quran dan Sunnah berfungsi sebagai asas untuk undang-undang yang dibuat oleh kerajaan negara ini. Raja berfungsi sebagai ketua pemerintah dan ketua negara, manakala kerabat diraja lain memegang jawatan menteri. Majlis Shura, yang ahlinya berasal dari pelbagai latar belakang sosial, politik dan agama negara, berfungsi sebagai penasihat dan bertanggungjawab untuk mentafsir dan menyemak perundangan kerajaan dan perjanjian antarabangsa (Nadia Nadir, 2021; Russayani Ismail et al., 2016).

Sistem monarki Malaysia mempunyai perspektif yang berbeza tentang cara monarki dan demokrasi berfungsi, berbanding dengan sistem monarki di Brunei dan Arab Saudi. Malaysia mempunyai sistem raja berperlembagaan dan sistem federal dengan parlimen. Kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara adalah simbolik dan adat. Baginda dipilih secara bergilir oleh raja negeri-negeri Melayu melalui Majlis Raja-Raja menunjukkan bahawa sistem ini menggabungkan elemen monarki konvensional dengan institusi demokrasi dalam mengukuhkan hubungan antara kerajaan pusat dan negeri (Hairol Anuar Mak Din, 2016; Mohd Shazwan Mokhtar et al., 2017; Nazri Muslim et al., 2020). Sebaliknya, Brunei dan Arab Saudi adalah monarki mutlak, dengan Raja Arab Saudi dan Sultan Brunei mempunyai kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman yang penuh.

## 2.2 Monarki Kerajaan Komanwel

Selain monarki mutlak, satu lagi istilah berkaitan monarki iaitu *Commonwealth realms* yang merujuk kepada negara-negara anggota Komanwel yang mengekalkan monarki berperlembagaan dengan Raja Britain sebagai ketua negara mereka. Setiap negara ini adalah negara berdaulat yang merdeka dengan pemerintahan, undang-undang, dan institusi politik mereka sendiri, walaupun terdapat monarki lain yang memerintah mereka (Cox, 2002; Gencer, 2010). Ini membolehkan negara tersebut membangunkan sistem tadbir urus demokrasi dan identiti nasional sambil menunjukkan penghormatan terhadap hubungan sejarah dan institusi yang telah lama wujud. Pada mulanya, negara-negara Komanwel terbentuk daripada wilayah Empayar British selepas British meluas melalui penaklukan, penjajahan dan kolonisasi pada tahun 1800-an (Gencer, 2010).

Namun, selepas Perang Dunia Kedua, proses dekolonisasi bermula apabila negara tanah jajahan British memperoleh kemerdekaan melalui perjuangan politik, perundingan atau penentangan bersenjata (A Rahman Tang Abdullah & Wan Shawaludin Wan Hassan, 2015; Abdul Aqmar Ahmad Tajudin et al., 2021; Ally Rachel Yunus, 2022). United Kingdom, Australia, Antigua dan Barbuda, Bahamas, Belize, Barbados, Grenada, Jamaica, Kanada, New Zealand, Papua New Guinea, Saint Vincent dan Grenadines, Saint Lucia, Saint Kitts dan Nevis, Kepulauan Solomon, dan Tuvalu adalah antara negara yang terlibat (Cox, 2002; Sajjani, 2015; Savransky, 2017). Walaupun Malaysia adalah anggota Komanwel, Malaysia merupakan negara berdaulat yang mengamalkan monarki berperlembagaannya sendiri dan bukan sebahagian daripada *Commonwealth realms* yang menggabungkan Raja Britain sebagai ketua negara (Abdullah Zakaria Ghazali, 2019; Cox, 2002; Hairol Anuar Mak Din, 2016).

## 2.3 Monarki Berperlembagaan

Secara amnya, konsep monarki berperlembagaan merupakan pilihan sebahagian kebanyakan negara monarki dunia antaranya ialah Andorra, Belanda, Belgium, Bhutan, Denmark, Jepun, Kemboja, Lesotho, Luxembourg, Norway, Samoa, Sepanyol, Sweden, Thailand, termasuklah Malaysia. Terdapat juga kerajaan yang mempunyai sistem monarki campuran, seperti raja berperlembagaan separuh, di mana kuasa raja dan badan perlembagaan berkongsi kuasa seperti yang diamalkan di negara Bahrain, Jordan, Kuwait, Liechtenstein, Maghribi dan Monaco (Anckar, 2021). Konsep monarki berperlembagaan amalannya berbeza di setiap negara di mana tahap kuasa dan peranan yang dimainkan oleh raja atau ratu bergantung pada struktur politik dan perlembagaan negara tersebut. Sebagai contoh, monarki berparlimen digunakan di Britain, sebuah negara kesatuan yang dipanggil United Kingdom (UK), yang terdiri daripada England, Wales, Scotland dan Ireland Utara. Britain adalah negara pertama yang mempunyai parlimen sehingga digelar "Ibu Parlimen" (The Mother of Parliaments). Parlimen ini terdiri daripada Dewan Pertuanan (House of Lords) dan Dewan Rakyat (House of Commons). Dewan Rakyat terdiri daripada wakil rakyat yang dipilih melalui pilihan umum oleh kedua-dua parti politik yang sering bersaing, parti konservatif dan parti buruh (Johnson, 2017; *Research by Parliaments*, 2020). Perdana menteri, menteri dan ratu mempunyai kuasa untuk mengetuai kabinet, yang dipimpin oleh ratu. Walau bagaimanapun, ratu tidak mempunyai kuasa politik; sebaliknya, baginda adalah representasi kedaulatan dan kesatuan negara (Cox, 2002; *Research by Parliaments*, 2020).

Dalam konteks Malaysia, monarki berperlembagaan adalah komponen penting dalam struktur politik dan sosial negara yang telah disesuaikan dengan demokrasi dan keperluan semasa negara. Malaysia mempunyai sistem Raja Berperlembagaan yang memilih Yang di-Pertuan Agong dari kalangan Sembilan Raja Melayu untuk khidmat lima tahun (Abdullah Zakaria Ghazali, 2019; Hairol Anuar Mak Din, 2016; Mohd Shazwan Mokhtar et al., 2017). Ini mencipta dinamik yang unik antara tradisi monarki dan amalan demokrasi, yang menunjukkan penyesuaian berjaya antara kedua-dua institusi. Sistem ini mempunyai banyak faedah, salah satunya ialah peranan monarki sebagai simbol perpaduan dan kestabilan, yang membantu budaya dan etnik Malaysia bersatu (Abdul Aqmar Ahmad Tajudin et al., 2021; Muis et al., 2010). Selain itu, monarki mengekalkan agama Islam, identiti nasional dan prinsip tradisi (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi et al., 2019; Nurhafilah Musa, 2013). Sebaliknya, perlembagaan mengurangkan kuasa eksekutif Raja, memastikan kerajaan yang dipilih rakyat menjalankan pemerintahan dan membuat keputusan politik (Abdullah Zakaria Ghazali, 2019). Oleh demikian, federalisme sangat ideal sebagai keseimbangan antara kerjasama sesama komuniti dan autonomi tempatan (Edward Castleton, 2016). Ini kerana struktur pentadbiran sistem persekutuan di setiap negara sebahagiannya dipengaruhi dengan faktor-faktor seperti sejarah, lokasi geografi dan struktur politiknya (Viscardi, 2016; Wan Ahmad Fauzi Wan Husain & Zulfadli Maarof, 2023).

## 3. Metodologi

Metodologi utama untuk penulisan mengenai federalisme di negara beraja ini ialah melalui kajian perpustakaan yang menyeluruh, termasuk analisis komprehensif kesusasteraan daripada sumber akademik. Proses ini bermula dengan pengumpulan data melalui penyelidikan literatur mendalam. Ini dilakukan dengan mencari artikel berkaitan yang menumpukan pada elemen federalisme di setiap negara, menggunakan pangkalan data perpustakaan dan jurnal akademik. Seterusnya, kajian tematik dijalankan untuk mengkaji isu utama, perbezaan

dan persamaan dalam amalan federalisme di antara empat negara beraja terpilih yang mengamalkan pentadbiran sistem persekutuan iaitu Australia, Belgium, Kanada dan Malaysia. Penekanan khusus diberikan kepada cara negara-negara ini bertindak balas terhadap cabaran politik, ekonomi dan sosial moden. Akhir sekali dalam proses ini ialah penyediaan dan pembentangan hasil dalam bentuk naratif yang jelas dan tersusun.

#### 4. Pengamatan Federalisme di Negara Monarki; Australia, Belgium, Kanada, Malaysia

Negara seperti Australia, Belgium, Kanada, dan Malaysia mempunyai latar belakang sejarah yang kompleks dan pelbagai yang mencerminkan keadaan geografi, sosial, politik, dan ekonomi mereka berkembang dalam kerangka federalisme.

##### 4.1 Federalisme Monarki Kerajaan Komanwel Australia

Federalisme di Australia bermula tahun 1901 sejak negara itu berada di bawah penguasaan Empayar British. Keperluan untuk kerjasama ekonomi dan pertahanan antara tanah jajahan Australia mendorong pembentukan Konfederasi Australia (Lijphart, 1984). Perlembagaan Australia, yang disahkan pada tahun yang sama, mewujudkan sistem kerajaan persekutuan yang membahagikan kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri. Keperluan untuk menyatukan tanah jajahan benua yang berbeza untuk kepentingan ekonomi dan pertahanan adalah faktor yang mempengaruhi federalisme Australia (Greer et al., 2023; Sawyer, 1976). Pengaruh dari Amerika Syarikat (AS) dan Switzerland iaitu sistem persekutuan kedua-dua negara ini memberikan inspirasi kepada model federalisme Australia, yang menggabungkan pembahagian kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri (Greer et al., 2023; Rasyidah Md Khalid & Faridah Jalil, 2018).

Isu sistem persekutuan di negara ini melibatkan beberapa isu perlembagaan, konflik kuasa, politik dan nilai antara kerajaan persekutuan dan negeri antaranya pendidikan dan kesihatan. Kuasa kerajaan pusat seolah-olah mengatasi kuasa negeri terutamanya dalam bidang kewangan. Ini termasuk kes Mahkamah Tinggi yang menghasilkan definisi Perlembagaan Australia kuasa korporat yang luas (Paleker, 2006). Walau bagaimanapun, sistem persekutuan mempunyai faedah ekonomi, sosial dan politik, termasuk pembahagian kuasa yang melindungi individu, lebih banyak pilihan untuk rakyat dan kerajaan yang lebih kreatif dan responsif. Faedah ini, bagaimanapun, diancam oleh peningkatan pemusatan di Australia. Walaupun kuasa perlembagaan dan kewangan mereka telah berkurangan, negeri terus memainkan peranan penting dalam politik Australia, menyediakan perkhidmatan penting dan berjuang untuk komuniti mereka (Greer et al., 2023; Saunders, 2002).

Dalam konteks federalismenya, Australia mempunyai cara yang menarik untuk membandingkan pengalaman politiknya dengan negara lain seperti Kanada. Oleh kerana sejarah dan struktur politik unik Australia, pembangunan politik dipengaruhi oleh federalisme dengan cara yang berbeza. Perbandingan antara Australia dan Kanada menunjukkan bahawa sejarah dan dasar federalisme Australia hampir bertentangan dengan Kanada, terutamanya dengan mengambil kira Quebec (Karmis & Norman, 2005; Saunders, 2002; Watts, 2001). Quebec adalah sebuah wilayah di Kanada yang unik berbanding wilayah lain di negara tersebut. Ini menunjukkan betapa pentingnya memahami konteks dan sejarah tempatan semasa menilai federalisme. Australia dilihat sebagai contoh bagaimana dinamik politik negara mononasional dengan persekutuan yang stabil boleh sangat berbeza daripada negara multinasional dengan persekutuan yang tidak simetri. Ini menunjukkan bahawa federalisme merangkumi bukan sahaja kerajaan negeri dan pusat tetapi juga cara sejarah ekonomi, politik, dan tempatan mempengaruhi dasar negara dan wilayah (Saunders, 2002).

##### 4.2 Federalisme Monarki Berperlembagaan Belgium

Penyelesaian konflik antara etnik dan bahasa yang berlaku pada akhir tahun 1800-an membawa kepada pembentukan federasi Belgium. Sistem persekutuan Belgium adalah unik kerana ia mencerminkan kerumitan sosiopolitik negara dan terdiri daripada persatuan komuniti dan wilayah linguistik. Ketegangan sosiopolitik dan permintaan untuk autonomi yang lebih besar bagi kumpulan bahasa menyebabkan peralihan sistem negara. Negara ini dahulunya mengamalkan sistem kesatuan, tetapi pada tahun 1993, negara ini berubah kepada sebuah negara persekutuan dengan matlamat untuk mengawal konflik antara wilayah utara yang berbahasa Belanda dan selatan yang berbahasa Perancis. Sistem persekutuan di Belgium juga terkenal dengan dualitinya yang menggabungkan persatuan berdasarkan komuniti bahasa dan wilayah (Greer et al., 2023; Karmis & Norman, 2005; Linz & Stepan, 1996).

Pembahagian budaya dan linguistik antara komuniti berbahasa Belanda di utara (Flanders) dan komuniti berbahasa Perancis di selatan (Wallonia) mempunyai kesan yang besar ke atas perkembangan federalisme di Belgium. Perbezaan pendapat antara penutur Belanda dan Perancis mengenai perlindungan hak minoriti bahasa dan konfigurasi negara ideal adalah antara isu besar. Sebagai contoh, di wilayah dwibahasa Brussels terdapat perlindungan khas untuk komuniti berbahasa Belanda. Manakala di Flanders terdapat *commune à facilités* yang membolehkan orang yang bercakap bahasa Perancis berkomunikasi dengan pihak berkuasa serantau dan persekutuan dalam bahasa Perancis. Walau bagaimanapun, terdapat perdebatan mengenai tafsiran dan skop



hak bahasa ini, yang mencerminkan perbezaan pendapat antara kumpulan bahasa dan organisasi negara mengenai hak minoriti (Greer et al., 2023; Linz & Stepan, 1996).

Seperti Quebec, Kanada, Belgium juga disebut sebagai contoh negara federalisme tidak simetri (Badr Alsamee, 2019; Cox, 2002). Dalam konteks federalisme, Belgium adalah negara yang menarik untuk dikaji kerana struktur politiknya yang rumit, yang menunjukkan perbezaan bahasa dan etnik yang ketara. Situasi Belgium menunjukkan bahawa federalisme tidak simetri (Abdul Aqmar Ahmad Tajudin et al., 2021). Walaupun ia menawarkan penyelesaian untuk menangani kepelbagaian dan konflik, ia juga boleh menyebabkan masalah dalam tadbir urus dan dasar. Proses membuat keputusan boleh diperlahankan oleh sistem yang kompleks, yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan kuasa di kalangan komuniti dan wilayah. Selain itu, pelaksanaan federalisme asimetri di Belgium membuka perbincangan tentang bagaimana sistem persekutuan boleh menyesuaikan diri dengan perkembangan sosiopolitik dan cabaran baharu, seperti peningkatan masalah ekonomi dan integrasi pendatang baru (Greer et al., 2023; Saunders, 2002).

### 4.3 Federalisme Monarki Kerajaan Komanwel Kanada

Sejarah sistem persekutuan Kanada bermula dengan Konfederasi yang ditubuhkan pada tahun 1867 adalah hasil daripada empat wilayah bergabung dengan tujuan untuk mewujudkan sebuah negara yang lebih kuat dan bersatu. Di Kanada, keperluan politik, ekonomi dan pertahanan tanah jajahan British Amerika Utara telah mendorong kepada pembentukan federalisme (Hofmeister & Tayao, 2016). Selain itu, pembentukan federalisme itu juga sebagai keperluan untuk mengimbangi serta melindungi dua komuniti budaya, agama dan linguistik utama koloni iaitu Inggeris dan Perancis, terutamanya di Quebec. Ini termasuklah sistem perundangan penduduk yang perlu dilindungi seperti pengiktirafan hak Orang Asli dan peraturan mengenai hubungan antara monarki wilayah dan persekutuan (Cox, 2002; Greer et al., 2023; Karmis & Norman, 2005; McIntosh, 2023; Sajnani, 2015).

Quebec ialah satu-satunya wilayah Kanada di mana bahasa rasminya adalah Perancis. Ia mempunyai sejarah yang kaya dan budaya yang unik. Quebec mempunyai identiti budaya Perancis yang kuat, dan ia sering dianggap berbeza daripada budaya Kanada. Selain itu, Quebec mempunyai sejarah yang panjang dalam usaha untuk memperoleh autonomi tambahan atau bahkan kemerdekaan daripada Kanada. Selama beberapa dekad, isu kedaulatan Quebec telah menjadi subjek penting dalam politik Kanada, termasuk dua referendum mengenai kemerdekaan yang diadakan pada tahun 1980 dan 1995. Walau bagaimanapun, kedua-dua referendum itu gagal, tetapi menunjukkan keinginan yang kuat di kalangan penduduk Quebec untuk mendapatkan lebih banyak kebebasan daripada kerajaan persekutuan Kanada (Sajnani, 2015; Saunders, 2002). Dalam konteks federalisme, Quebec sering digambarkan sebagai contoh utama federalisme asimetri di Kanada. Ia mendapat banyak peluang dan keistimewaan untuk mengekalkan budaya dan sistem undang-undangnya yang berbeza, menggunakan sistem undang-undang sivil berbanding sistem undang-undang yang digunakan oleh kebanyakan wilayah lain Kanada. Ini semua menjadikan Quebec subjek yang sangat menarik untuk penyelidikan mengenai federalisme, budaya, dan politik Kanada (Saunders, 2002).

Sejak itu, Kanada telah berkembang menjadi sebuah negara yang terdiri daripada sepuluh wilayah dan tiga wilayah dengan sistem yang menekankan kerjasama eksekutif dan desentralisasi dalam pengurusan isu seperti kesihatan awam dan perubahan iklim. Selain itu, tuntutan Orang Asli untuk mempunyai kerajaan sendiri adalah satu lagi isu yang dihadapi kerajaan. Integrasi institusi Orang Asli ke dalam sistem federal yang lebih luas tanpa menggunakan paternalisme kerajaan pusat adalah salah satu cabaran utama dalam pentadbiran persekutuan Kanada (Karmis & Norman, 2005; McIntosh, 2023; Paquin, 2023; Sajnani, 2015). Selain itu, terdapat kesukaran untuk menentukan peranan dan tanggungjawab yang betul untuk setiap tahap pemerintahan, terutamanya apabila menangani isu seperti pengurusan pandemik COVID-19 dan perubahan iklim (McIntosh, 2023). Pandangan umum masyarakat Kanada tentang isu-isu penting seperti ini sering dipengaruhi oleh perspektif mereka tentang federalisme negara, yang boleh berubah mengikut keadaan (Greer et al., 2023; McIntosh, 2023).

### 4.4 Federalisme Monarki Berperlembagaan Malaysia

Sistem persekutuan Malaysia diwarisi daripada penjajah British yang dimulakan semasa Persekutuan Tanah Melayu mendapat kemerdekaannya pada tahun 1957 seterusnya pembentukan Malaysia pada tahun 1963 (Dollah et al., 2018; Ismail & Yusoff, 2022; Nazri Muslim, 2014; Wan Ahmad Fauzi Wan Husain et al., 2017). Struktur ini dibangunkan supaya keperluan dan kepentingan Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak diimbangi. Malaysia telah mengalami beberapa transformasi dalam federalisme sejak merdeka, terutamanya dalam cara kerajaan persekutuan memegang banyak kuasa. Dinamik federalisme negara ini tertumpu kepada isu seperti pengurusan hubungan etnik dan pengagihan kuasa (Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021; Ahmad Tajudin & Yusoff, 2020). Sistem persekutuan yang ditadbir oleh penjajah British menghubungkan Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo Timur ke Malaysia. Warisan kolonial ini diteruskan selepas kemerdekaan negara. Apabila Malaysia menjadi sebuah negara persekutuan, ia berusaha untuk mengimbangi keperluan dan

kepentingan pelbagai kumpulan etnik, wilayah, dan sosio-ekonomi (Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021; Elazar, 1985).

Dalam semua kes ini, sejarah federalisme dikaitkan dengan tindak balas terhadap sosiopolitik dan keperluan ekonomi negara. Masing-masing telah mengubahsuaikan dan mencipta sistem persekutuan mereka mengikut keadaan dalaman negara dan masalah yang berbeza sebagai keperluan dalam menguruskan kepelbagaian. Antara isu federalisme di negara ini adalah isu pendidikan agama di negeri-negeri, isu perundangan Sabah dan Sarawak, dan isu agihan royalti minyak di Kelantan (Aznil Mohd Tayeb & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar, 2018; Gawan et al., n.d.; Hussain Yusri Zawawi, 2018; Ishak et al., 2021; Ismail & Yusoff, 2022). Malaysia juga pernah dibangkitkan peristiwa tentang isu pengurangan kekebalan Raja-Raja Melayu yang turut membawa kepada rancangan untuk membubarkan salah sebuah institusi warisan keselamatan diraja di negeri Johor iaitu Johor Military Forces (JMF). JMF ditubuhkan sejak tahun 1886 iaitu sebelum Johor menyertai persekutuan (Abdul Rahim Ramli, 2018; Muhaymin Hakim Abdullah et al., 2021; Tunku Shahrman Tunku Sulaiman, 2014). Hal ini juga membawa kepada rancangan kerajaan persekutuan untuk memansuhkan enakmen negeri berkaitan JMF tetapi tidak diteruskan atas nasihat perundangan judisiari (Abdul Rahim Ramli, 2018; Tun Mohd Salleh Abas, 2015).

Status istimewa yang diberikan kepada beberapa negeri di Semenanjung Malaysia, seperti Sabah dan Sarawak, menunjukkan ketidaksamaan dalam federalisme Malaysia. Negeri-negeri ini menerima persekutuan dengan syarat yang berbeza berbanding negeri lain. Saunders berpendapat bahawa analisis federalisme mesti mengambil kira kompleks interaksi antara institusi politik dan elemen budaya, etnik, dan ekonomi. Ini sangat berkaitan dengan Malaysia, di mana dinamik etnik sangat penting dalam politik dan pengurusan sumber. Pendekatan yang memisahkan federalisme daripada elemen ini mungkin tidak mencukupi untuk menjelaskan dengan tepat bagaimana federalisme berfungsi dan memberi kesan kepada dasar dan kehidupan sosial Malaysia (Abdul Aqmar Ahmad Tajudin et al., 2021; Bilcher Bala, 2018; Saunders, 2002). Walaupun matlamat federalisme Malaysia ialah mengekalkan kepelbagaian dan memastikan pembangunan yang adil, politik kepartian dan konflik etnik sering menjejaskan pelaksanaannya. Walaupun federalisme di Malaysia bertujuan untuk mengurus kepelbagaian dan memastikan pembangunan yang saksama, amalannya sering dipengaruhi oleh politik kepartian dan ketegangan etnik (Ahmad Tajudin & Mohamed Noor, 2021; Fazni Mat Arifin & Nooraini Othman, 2018; Johon & Puyok, 2022). Ini mencerminkan bahawa, seperti dalam analisis Saunders, interaksi kompleks antara federalisme dan faktor sosial dan politik yang lain perlu diambil kira untuk memahami sepenuhnya bagaimana federalisme dilaksanakan dan kesannya terhadap masyarakat (Saunders, 2002).

## 5. Perbandingan Amalan Federalisme antara Australia, Belgium, Kanada, Malaysia

Di Australia, Belgium, Kanada, dan Malaysia, federasi monarki menggabungkan struktur kerajaan persekutuan dengan monarki berperlembagaan atau monarki Komanwel. Di bawah sistem kerajaan Commonwealth, kerajaan persekutuan dan gubernur jeneral memegang kuasa eksekutif sebenar, Raja atau Ratu United Kingdom berfungsi sebagai ketua negara seremonial di Australia dan Kanada. Sebagai negara federal, Belgium mempunyai monarki berperlembagaan dan sistem pemerintahan yang membahagikan kuasa antara komuniti linguistik dan wilayahnya. Ini membolehkan negara itu mempunyai tahap autonomi kebijakan yang besar. Malaysia mempunyai sistem monarki yang dipimpin oleh sembilan Raja-Raja Melayu. Ia juga mempunyai struktur federal yang membagi kuasa antara negeri dan kerajaan persekutuan, dan Yang di-Pertuan Agong menjalankan tugas pentadbiran negara dengan cara yang lebih seremonial. Keempat-empat negara ini menunjukkan cara federalisme boleh berfungsi dalam kerangka monarki, membolehkan kestabilan politik sambil mengekalkan otonomi dan identiti sub-nasional.

Dalam konteks ini, federalisme beraja di empat negara ini mengukuhkan kedaulatan negara dan menggalakkan kepelbagaian. Di Australia dan Kanada, sistem persekutuan dan monarki menjamin bahawa pelbagai wilayah dan komuniti linguistik mempunyai suara dalam kerajaan, dengan sistem yang membolehkan dasar serantau disesuaikan dengan keperluan khusus mereka. Federalisme Belgium berorientasikan komuniti meletakkan budaya dan bahasa sebagai pusat pengagihan kuasa, mengiktiraf dan menghormati sejarah setiap komuniti. Malaysia mempunyai sistem beraja elektif yang unik dan menggabungkan tradisi kesultanan tempatan dengan federalisme moden, mengukuhkan autonomi negara dan mengekalkan perpaduan. Walaupun mereka berbeza dalam struktur dan cara mereka berfungsi, sistem ini menunjukkan kelenturan dan kesesuaian federalisme dalam menghadapi perubahan sosial, politik dan ekonomi yang berlaku dalam era globalisasi.

Perbandingan di Australia, Belgium, Kanada dan Malaysia dalam Jadual 1 berikut menunjukkan bahawa unsur federalisme yang melibatkan aspek sosiobudaya dan politik selain daripada pengaturan pentadbiran. Dalam konteks Australia, federalisme perlu berubah untuk menangani isu global seperti perubahan iklim. Sistem persekutuan Belgium terpaksa menangani konflik antara komuniti linguistik yang berbeza. Di Kanada, federalisme cuba mengimbangi keperluan negara dengan hak istimewa Quebec dan Orang Asli. Ini menunjukkan kesukaran mencari keseimbangan kuasa dan tanggungjawab antara kerajaan persekutuan dan wilayah. Malaysia, dengan sistem federalismenya yang cenderung kepada kerajaan pusat, memberikan contoh bagaimana

federalisme boleh menyesuaikan diri dalam perubahan konteks ekonomi dan politik, menonjolkan kepentingan fleksibiliti dan penyesuaian dalam struktur persekutuan yang fleksibel.

**Jadual 1** *Perbandingan Amalan Federalisme di Empat Buah Negara Monarki*

| Perbandingan     | Australia                   | Belgium                              | Kanada                         | Malaysia  |
|------------------|-----------------------------|--------------------------------------|--------------------------------|---|
| Sejarah          | Empayar British             | Penyelesaian konflik etno-linguistik | Empayar British                | Warisan kolonial British                          |
| Evolusi          | Koloni                      | Kesatuan                             | Koloni                         | Kesatuan  |
| Struktur         | Penyatuan tanah jajahan     | Pembahagian budaya dan linguistik    | Gabungan wilayah               | Latar belakang sosio-ekonomi dan budaya berbeza   |
| Mekanisme        | Pengaruh AS dan Switzerland | Transformasi sistem negara           | Pengiktirafan dua budaya utama | Keperluan menguruskan kepelbagaian                |
| Isu Kontemporari | Pendidikan dan kesihatan    | Budaya dan bahasa                    | Budaya, bahasa dan kesihatan   | Pembahagian sumber serta kuasa dan hubungan etnik |
| Sistem Beraja    | Raja Berperlembagaan        | Raja Berperlembagaan                 | Raja Berperlembagaan           | Raja Berperlembagaan                              |

## 6. Perbincangan dan Strategi Komprehensif Pemerksaan Federalisme

Dalam monarki mutlak, sistem federalisme mungkin tidak relevan kerana kuasa berpusat iaitu raja atau sultannya tiada mempunyai pembahagian kuasa yang jelas antara kerajaan pusat dan negeri. Dalam sistem monarki mutlak, raja atau sultan memegang kuasa eksekutif, perundangan, dan kehakiman iaitu memiliki kuasa tertinggi untuk membuat undang-undang dan membuat keputusan tanpa persetujuan rakyat atau institusi lain. Ini berbeza dengan kerajaan demokrasi atau raja berperlembagaan, di mana ia terletak pada rakyat atau ditadbir oleh kerangka institusi yang mengawal kuasa kerajaan atau raja.

Amalan federalisme di Australia, Belgium, Kanada, dan Malaysia memaparkan kekuatan dan kelemahan yang berkait rapat dengan sejarah dalam pembentukan setiap negara. Cabaran ini mencerminkan isu semasa dengan situasi yang unik dalam setiap bahagian persekutuan. Keseimbangan antara autonomi pusat dan tempatan adalah kritikal dalam semua situasi. Kelancaran sistem pentadbiran negara ini banyak dipengaruhi oleh perubahan politik domestik dan global. Peranan simbolik ketua negara, terutamanya dalam negara beraja seperti Malaysia, menunjukkan bagaimana elemen moden dan tradisional boleh bersatu untuk mengekalkan kestabilan dan perpaduan negara. Ini membuktikan bahawa betapa pentingnya toleransi antara kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan keseimbangan kuasa dalam sistem persekutuan dengan penglibatan institusi diraja. Federalisme bukan sahaja mewakili sistem pentadbiran kedua-dua struktur kerajaan tetapi juga nilai dan identiti masyarakat. Ini menunjukkan betapa pentingnya sistem persekutuan untuk menyesuaikan diri dan bertindak balas kepada isu global moden yang sentiasa berubah, seperti pergerakan penduduk, perubahan iklim dan perdagangan antarabangsa.

Sistem persekutuan mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri. Kelebihan sistem ini termasuk cara kuasa dibahagikan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri atau wilayah, membolehkan autonomi tempatan serta menggalakkan kepelbagaian, dan dapat meningkatkan kestabilan politik dengan menggunakan semak dan imbang. Ini membolehkan kerajaan tempatan bertindak balas dengan lebih baik kepada keperluan tempatan, mewujudkan hubungan yang lebih dekat dengan rakyat (Edward Castleton, 2016; Viscardi, 2016). Sebaliknya, kelemahan sistem ini ialah dari segi perkongsian perbelanjaan termasuklah pengurusan yang lebih kompleks. Kekeliruan atau ketidakadilan boleh timbul apabila dasar merentas wilayah tidak seragam, dan konflik kuasa antara kerajaan pusat dan negeri atau wilayah boleh menjadikan proses membuat keputusan rumit dan lambat. Oleh itu, negara persekutuan mesti mencari keseimbangan dalam memberikan autonomi kepada negeri serta mengekalkan keseragaman dan kuasa di peringkat pusat bersesuaian dengan perubahan sosial dan politik.

Akhir sekali, federalisme setiap negara bergantung pada sejarah, budaya, dan keadaan politiknya. Setiap negara menunjukkan bagaimana federalisme boleh menyesuaikan diri dan berkembang maju sebagai sistem kerajaan dan sebagai alat untuk memupuk perpaduan, kestabilan, dan kemajuan dalam masyarakat yang pelbagai, walaupun menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks dalam mengekalkan keseimbangan ini, termasuklah dalam konteks monarki. Beberapa cadangan boleh dilaksanakan secara beransur-ansur untuk

meningkatkan sistem federalisme di negara-negara monarki berdasarkan perbandingan dan perbincangan berkaitan amalan federalisme di keempat-empat negara di atas, iaitu:

- Pertama, mekanisme kerjasama antara kerajaan pusat dan negeri harus diperkukuh. Ini penting untuk mengurangkan konflik yang akan timbul sekiranya berlaku kepentingan yang bercanggah untuk memastikan dasar yang lebih seragam. Bagi memudahkan dan memastikan perbincangan berterusan, penubuhan badan kerjasama yang melibatkan semua peringkat kerajaan boleh membantu menyelaraskan dasar dan tindakan antara pelbagai peringkat kerajaan.

- Kedua, satu langkah penting adalah untuk memberikan lebih kuasa kepada kerajaan negeri atau wilayah untuk menguruskan perkara seperti infrastruktur, kesihatan, dan pendidikan. Ini bukan sahaja membolehkan maklum balas yang lebih pantas dan sesuai dengan keperluan tempatan, tetapi juga mendorong konsep baharu dan cara yang disesuaikan dengan ciri unik setiap tempat. Autonomi yang lebih besar ini harus diimbangi dengan pengawasan dan kerangka kerja pusat yang jelas untuk mengelakkan perselisihan faham dan memastikan konsistensi dalam piawaian tertentu.

- Ketiga, melakukan reformasi institusi reformasi institusi yang merangkumi perlindungan hak negara yang lebih baik dan menjelaskan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri. Dengan mewujudkan sempadan yang jelas dan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan, ini akan membantu mengurangkan keraguan dan konflik kuasa sekiranya berlaku. Selain itu, pembaruan ini perlu dilakukan untuk memastikan institusi kekal relevan dan responsif kepada keperluan dan cabaran semasa.

- Keempat, penyelarasan dan komunikasi yang lebih baik antara kerajaan pusat dan negeri perlu dicapai melalui peningkatan penggunaan teknologi dalam pentadbiran persekutuan. Pengumpulan data, pemantauan pelaksanaan dasar, dan peningkatan ketelusan semuanya boleh dicapai melalui penggunaan teknologi maklumat. Ia juga membantu dalam penyebaran maklumat yang pantas dan tepat, yang penting untuk membuat keputusan harian dan pengurusan krisis dan bencana.

- Kelima, dalam rangka kerja negara, dasar domestik dan antarabangsa mesti sepadan. Sambil membenarkan penyesuaian tempatan, dasar persekutuan mesti mengambil kira kesan global. Ini termasuk menangani isu seperti pergerakan penduduk, perubahan iklim, dan perdagangan antarabangsa, yang semua memerlukan kerjasama rentas sempadan dan strategi yang komprehensif.

- Keenam, masyarakat harus dididik tentang federalisme. Pendidikan dan kempen kesedaran boleh membantu orang ramai memahami sistem federalisme, faedahnya, dan cara mereka boleh terlibat dalam proses politik. Selain itu, pendidikan ini mempunyai keupayaan untuk membina asas untuk partisipasi politik yang lebih sedar dan berkesan.

- Akhirnya, untuk memastikan federalisme terus relevan dan berkesan, penilaian dan penilaian berkala adalah penting. Ulasan dan audit ini boleh membantu mencari kelemahan, menilai kesan kebijakan, dan membuat penyesuaian. Untuk memastikan keadilan dan kejujuran, penilaian ini harus dijalankan oleh badan yang bebas.

Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, negara-negara dengan sistem federalisme dapat memperkuat kerangka kerja pemerintahan mereka, mempromosikan kestabilan, dan memastikan pembangunan yang inklusif dan berkesan.

## 7. Kesimpulan

Penyesuaian dan fleksibiliti adalah penting dalam menangani perubahan di peringkat antarabangsa dan tempatan, seperti yang ditunjukkan oleh federalisme negara beraja seperti di Australia, Belgium, Kanada, dan Malaysia. Di Australia, dinamik federalisme negara dipengaruhi oleh isu sumber asli dan alam sekitar. Perkembangan federalisme di Belgium pula disebabkan ketegangan antara etnik dan linguistik manakala di Kanada, isu Orang Asli dan pelbagai budaya adalah isu utama. Federalisme di Malaysia pula melalui warisan kolonial melalui pemusatan kuasa serta pembahagian sumber dan hal ini menjadi isu yang berterusan sehingga kini. Negara-negara ini menunjukkan bagaimana federalisme berfungsi dengan konteks sejarah, budaya dan politik mereka untuk menggalakkan perpaduan, kestabilan dan kemajuan. Raja atau ketua negara memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan dan tradisi negara.

## Penghargaan

Penyelidikan ini disokong dan ditaja oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui geran Tier 1 (Vot Q457).

## Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.



## Sumbangan Penulis

Jurnal ini mengkehendaki semua penulis mengambil tanggungjawab awam terhadap kandungan kerja yang dihantar untuk ulasan. Sumbangan semua penulis harus dijelaskan dengan cara berikut:

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Muhaymin Hakim Abdullah dan Lutfan Jaes; **pengumpulan data, analisis dan interpretasi hasil, penyediaan draf manuskrip:** Muhaymin Hakim Abdullah. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

## Rujukan

A Rahman Tang Abdullah, & Wan Shawaludin Wan Hassan. (2015). Elemen Sejarah dalam Pembentukan Negara : Kemunculan Negara Bangsa di Eropah dan Proses Kolonialisasi dan Dekolonialisasi dalam Konteks Malaysia. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 7(1), 57–71.

Abdul Aqmar Ahmad Tajudin, Muhamad Nadzri Mohamed Noor, & Hussain Yusri Zawawi. (2021). Dari Federalisme Terpusat ke Federalisme Multi-etnik: Pengaruh Etnisiti dalam Persekutuan Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 26–37. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1139>

Abdul Monir Yaacob. (2017). Institusi Raja Di Tanah Melayu. *Prosiding Seminar 120 Tahun Majlis Raja-Raja Melayu*, 1–18. <http://www.jmm.gov.my/files/INSTITUSI RAJA DI TANAH MELAYU.pdf>

Abdul Rahim Ramli. (2018). *JDT: Johor Darul Ta'zim an Abode of Dignity*. Penerbit UTM Press.

Abdullah Zakaria Ghazali. (2019). Cabaran Institusi Beraja di Malaysia dari Dahulu Hingga Kini. *Bicara@Muzium, Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara*, 1–38. <http://www.jmm.gov.my/ms/content/cabaran-institusi-beraja-di-malaysia-dari-dahulu-hingga-kini>

Ahmad Tajudin, A. A., & Mohamed Noor, M. N. (2021). Budaya politik federal: Memikirkan federalisme Malaysia dari perspektif normatif. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48(2), 138–163. <https://www.researchgate.net/publication/354021770%0ABUDAYA>

Ahmad Tajudin, A. A., & Yusoff, M. A. (2020). Challenges of the Multinational Federation: The Case of Malaysia, 2008-2020. *Intellectual Discourse*, 28(02-2020), 649–673. <https://doi.org/10.33383/2020-2>

Ally Rachel Yunus. (2022). Dekolonisasi British Di Malaya Dan Borneo Menuju Jalan Penubuhan Malaysia, 1955-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 1–12. <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4123>

Anckar, C. (2021). Constitutional Monarchies and Semi-Constitutional Monarchies: a Global Historical Study, 1800–2017. *Contemporary Politics*, 27(1), 23–40. <https://doi.org/10.1080/13569775.2020.1824360>

Azmil Mohd Tayeb, & Sharifah Nursyahidah Syed Annuar. (2018). Federalisme dan Pengurusan Pendidikan Islam di Kelantan. *Kajian Malaysia*, 36(2), 89–111. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.5>

Badr Alsamee, E. M. (2019). *Distribution of Powers Between Federal Government and Local Governments : a Critical Analysis of the Iraqi Constitution 2005* *Distribution of Powers Between Federal Government and Local Governments : a Critical Analysis of the Iraqi Constitution 2005 Docto* (Issue October 2018) [Universiti Utara Malaysia]. <https://etd.uum.edu.my/8739/>

Bilcher Bala. (2018). Satu Daripada Tiga Belas: Sabah Dan Sarawak Dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 3(2), 13–52. <https://doi.org/10.51200/jba.v3i2.1622>

Cox, N. (2002). The Theory of Sovereignty and the Importance of the Crown in the Realms of the Queen. *Oxford University Commonwealth Law Journal*, 2(2), 237–255. <https://doi.org/10.1080/14729342.2002.11421414>

Dollah, R., Joko, E. P., Sakke, N., Salleh, S., & Rashid, M. F. (2018). Hubungan Persekutuan-Negeri Di Sabah Pasca PRU14: Prospek, Isu Dan Cabaran. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 351–381. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/1655>

- Edward Castleton, F. F. (2016). Fédéralisme, identités nationales et critique des frontières naturelles : Pierre-Joseph Proudhon (1809-1865) géographe des « États-Unis d'Europe » (Federalism, National Identities, and Critique of Natural Borders: Pierre-Joseph Proudhon (1809-1865), *Geogr. Cybergeo: European Journal of Geography*, 780. <https://doi.org/https://doi.org/10.4000/cybergeo.27639>
- Elazar, D. J. (1985). Constitution-making: The Pre-eminently Political Act. In *The Politics of Constitutional Change in Industrial Nations* (pp. 232–248). Palgrave Macmillan UK. [https://doi.org/10.1007/978-1-349-06991-0\\_9](https://doi.org/10.1007/978-1-349-06991-0_9)
- Fazni Mat Arifin, & Nooraini Othman. (2018). The Dynamic of Policymaking Process in Malaysia. *International Journal of West Asian Studies*, 10(7), 74–84. <https://doi.org/10.22583/ijwas.2018.10.01.07>
- Gawan, F., Sciences, A. P.-M. J. of S., & 2021, undefined. (n.d.). Sarawak dan Federalisme Di Bawah Kepimpinan Adenan Satem, 2014-2017. *Msocialsciences.Com*, 6(10), 2021. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1048>
- Gencer, B. (2010). Sovereignty and the separation of powers in John Locke. *European Legacy*, 15(3), 323–339. <https://doi.org/10.1080/10848771003783611>
- Greer, S. L., Béland, D., Lecours, A., & Dubin, K. A. (2023). Putting Federalism in Its Place : The Territorial Politics of Social Policy Revisited. In *University of Michigan Press* (1st ed.). University of Michigan Press. <https://doi.org/10.3998/mpub.12237580>
- Hairol Anuar Mak Din. (2016). Warisan Sistem Beraja di Malaysia: Ulasan Buku Dustur Wa Salatin (Perlembagaan dan Para Sultan). *Seminar Serantau Peradaban Dan Pemikiran Islam 'Melayu Diaspora: Perkembangan Dan Cabaran' 4-9 November 2016: Perth Australia, November*. [https://www.academia.edu/30535760/WARISAN\\_SISTEM\\_BERAJA\\_DI\\_MALAYSIA\\_ULASAN\\_BUKU\\_DUSTUR\\_WA\\_SALATIN\\_PERLEMBAGAAN\\_DAN\\_PARA\\_SULTAN\\_](https://www.academia.edu/30535760/WARISAN_SISTEM_BERAJA_DI_MALAYSIA_ULASAN_BUKU_DUSTUR_WA_SALATIN_PERLEMBAGAAN_DAN_PARA_SULTAN_)
- Hofmeister, W., & Tayao, E. (2016). Federalism and Decentralization: Perceptions for Political and Institutional Reforms. In *Driving Democracy*. Local Government Development Foundation.
- Hussain Yusri Zawawi. (2018). *Politik Federalisme: Kajian Kes Royalti Minyak Kelantan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak, M., Arshad, M. M., Mohd Fakhruddin, F., Ariff Ismail, I., Ismail, H., Ahmad, S., Ramlan, S. R., Abdullah, H., Mat Saad, N. S., & Nurhanum, S. S. (2021). Tinjauan Tahap Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Ke Arah Pembentukan Masyarakat Madani Melalui Kaedah Pendidikan Islam Tidak Formal. *Sains Insani*, 6(1), 25–34. <https://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/229/159>
- Ismail, M. A., & Yusoff, M. A. (2022). Xenophobia And Anti-Federal Sentiment In Sabah And Its Impact On Malaysian Federalism. *Journal of Southeast Asian Studies*, 27 (1)(June 22), 66–87.
- Johnson, M. (2017). *The Models of Parliamentary Sovereignty*. University of Bristol Law School Blog. <https://legalresearch.blogs.bris.ac.uk/2017/12/the-models-of-parliamentary-sovereignty/>
- Johon, A., & Puyok, A. (2022). Pilihan Raya Negeri Sabah Ke-16: Sokongan Terhadap Parti STAR Dan Perspektif Politik Etnik Kadazandusun. *Trends in Undergraduate Research*, 5(1), h9-19. <https://doi.org/10.33736/tur.4063.2022>
- Karmis, D., & Norman, W. (2005). The Revival of Federalism in Normative Political Theory. In *Theories of Federalism: A Reader* (pp. 3–21). Palgrave Macmillan. [https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-1-137-05549-1\\_1](https://doi.org/https://doi.org/10.1007/978-1-137-05549-1_1)
- Lijphart, A. (1984). *Democracies: Patterns of Majoritarian and Consensus Government in Twenty-One Countries*. Yale University Pres.
- Linz, J. J., & Stepan, A. (1996). *Problems of Democratic Transition and Consolidation: Southern Europe, South America, and Post-Communist Europe*. The Johns Hopkins University Press. [https://www.amazon.com/Problems-Democratic-Transition-Consolidation-Post-Communist/dp/0801851580#detailBullets\\_feature\\_div](https://www.amazon.com/Problems-Democratic-Transition-Consolidation-Post-Communist/dp/0801851580#detailBullets_feature_div)

- Mardiana Nordin. (2017). Kesultanan Melayu Melaka. *Seminar Guru Sejarah: Pemantapan Dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih Dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5*, 1–14. <http://library1.nida.ac.th/termpaper6/sd/2554/19755.pdf>
- McIntosh, T. (2023). Bilateral Federalism, Value-Based Healthcare and the Future of Canadian Intergovernmental Diplomacy on Health. *Healthcare Policy*, 18(4), 26 – 42. <https://www.scopus.com/inward/record.uri?eid=2-s2.0-85163868385&doi=10.12927%2Fhcpol.2023.27095&partnerID=40&md5=2ffeda9e891757957f73b127e5eda6b6>
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhammad Aslah Akmal Azmi, & Suffian Mansor. (2017). Sejarah Perkembangan Majlis Raja-Raja Melayu. *Prosiding Seminar 120 Tahun Majlis Raja-Raja Melayu, September*, 1–15.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya, & Muhammad Adib Samsudin. (2019). Kedudukan Dan Implikasi Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan Ke Arah Memartabatkan Kedaulatan Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2), 34–45.
- Muhaymin Hakim Abdullah, Khairul Azman Mohd Suhaimy, Md Akbal Abdullah, & Zahrul Akmal Dalimin. (2021). Johor Military Force (JMF): The Only Royal Security Force in Malaysia. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(2), 704–710. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i2.925>
- Muis, M. A., Hussin, Z. H., & Mohamed, B. A. (2010). Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia,"* 411–442. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/3185>
- Nadia Nadir. (2021). Sistem Pemeritahan Dan Kebijakan Luar Negeri Arab Saudi. *Qaumiyah: Jurnal Hukum Tata Negara*, 1(2), 161–175. <https://doi.org/10.24239/qaumiyah.v1i2.11>
- Nazri Muslim. (2014). Institusi Raja-Raja Melayu: Perannya dalam memelihara kedudukan Islam dari sudut Perlembagaan. *Jurnal Antarabangsa Alam Dan Tamadun Melayu (Iman)*, 2(2), 121–127.
- Nazri Muslim, Osman Md Rasip, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Abdullah Ibrahim, & Otong Rosadi. (2020). The Application of the Constitutional Convention in Malaysia. *Journal of Politics and Law*, 13(2), 155. <https://doi.org/10.5539/jpl.v13n2p155>
- Nurhafilah Musa. (2013). Adakah Federalisme Penghalang kepada Pelaksanaan Syariah di Malaysia. *Sciences*, 8(2), 1–17. [https://www.academia.edu/10049350/Adakah\\_Federalisme\\_Penghalang\\_kepada\\_Pelaksanaan\\_Syariah\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/10049350/Adakah_Federalisme_Penghalang_kepada_Pelaksanaan_Syariah_di_Malaysia)
- Ooi Keat Gin, & King, V. T. (2023). Routledge Handbook of Contemporary Brunei. In Ooi Keat Gin & V. T. King (Eds.), *Routledge Taylor & Francis Group*. <https://doi.org/10.4324/9781003097822>
- Paleker, S. A. (2006). Federalism: A Conceptual Analysis. *The Indian Journal of Political Science*, 67(2), 303–310. <http://www.jstor.org/stable/41856217>
- Paquin, S. (2023). La Réforme Inachevée: Le Fédéralisme Canadien Et Le Rôle Des Provinces Dans Les Négociations Internationales (The Unfinished Reform: Canadian Federalism And The Role Of The Provinces In International Negotiations). *Revue Québécoise de Droit International Quebec Journal of International Law*. <https://doi.org/https://doi.org/10.7202/1087960ar>
- Rasyikah Md Khalid, & Faridah Jalil. (2018). Theories of Federal-State Relationship. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat, Special Issue*, 115–127. <https://doi.org/https://doi.org/10.17576/juum-2018-special-08>
- Research by Parliaments*. (2020). The History of the Parliament: British Political, Social & Local History. <http://www.histparl.ac.uk/research>
- Russayani Ismail, Yew Meng Lai, Zainal Amin Ayub, Abdul Razak Ahmad, & Chang Da Wan. (2016). Kingdom of Saudi Arabia. In Yew Meng Lai, Abdul Razak Ahmad, & Chang Da Wan (Eds.), *Higher Education in the Middle East*

and North Africa: Exploring Regional and Country Specific Potentials (pp. 127–146). Springer Singapore. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-1056-9>

Sajnani, D. (2015). Remembering Monarchy, Forgetting Coloniality: The Elision of Race in Canadian Monarchy Abolition Debates. *Canadian Ethnic Studies*, 47(2), 137–163. <https://doi.org/10.1353/ces.2015.0014>

Saunders, C. (2002). Collaborative Federalism. *Australian Journal of Public Administration*, 61(2), 69–77. <https://doi.org/doi/abs/10.1111/1467-8500.00274>

Savransky, M. (2017). A Decolonial Imagination: Sociology, Anthropology and the Politics of Reality. *Sociology*, 51(1), 11–26. <https://doi.org/10.1177/0038038516656983>

Sawer, G. (1976). *Modern Federalism*. Pitman Pub. Corp.

Tun Mohd Salleh Abas. (2015). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan Di Malaysia*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tunku Shahrman Tunku Sulaiman. (2014). The Johore Military Forces: The Oldest Army of Malay Regulars in the Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 77(2), 95–105.

Viscardi, C. M. R. (2016). O Federalismo como Experiência: Campos Sales e as Tentativas de Estabilização da República (Federalism as an Experience: Campos Sales and the Attempts to Stabilize the Republic). *Dados - Revista de Ciências Sociais, Rio de Janeiro*, 59(4), 1169–1206. [http://www.scielo.br/scielo.php?script=sci\\_arttext&pid=S0011-52582016000401169&lang=pt%5Cnhttp://www.scielo.br/pdf/dados/v59n4/0011-5258-dados-59-4-1169.pdf](http://www.scielo.br/scielo.php?script=sci_arttext&pid=S0011-52582016000401169&lang=pt%5Cnhttp://www.scielo.br/pdf/dados/v59n4/0011-5258-dados-59-4-1169.pdf)

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, Mohamed Anwar Omar Din, & Hanif Md Lateh @ Junid. (2017). Raja-Raja Dalam Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 2(1), 27. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss1pp27-39>

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, & Zulfadli Maarof. (2023). Keabsahan Kesultanan Johor Moden Sebagai Pelestari Perdu Legasi Kesultanan Melayu Melaka Menurut Jurisprudens Watan. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(3). <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/436>

Watts, R. (2001). Introduction: Federalism in an era of globalisation. *International Social Science Journal*, 53(167), 9–12. <https://doi.org/10.1111/1468-2451.00286>